

KENYATAAN MEDIA

3 NOVEMBER 2017

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
12, Jalan Tun Husseln
Preclnct 2
62100, Putrajaya
Malaysia

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

Suruhanjaya Tenaga Bantu Tambah Baik Sistem Pendawaian Sekolah Tahfiz

Hulu Langat, 3 Nov – Suruhanjaya Tenaga (ST), dengan kerjasama Kelab Kebajikan Kakitangan Institut Kemahiran Belia Negara, Dusun Tua, telah membantu memeriksa dan menambah baik sistem pendawaian sebuah sekolah tahfiz di sini iaitu School of Tahfiz Al Quran & Arabic Malaysia.

Antara penambahbaikan yang dilakukan termasuklah penambahan pendawaian terhadap punca-punca kuasa dan kipas, penggantian lampu-lampu yang rosak, penukaran kotak papan agihan dan penambahan alat-alat perlindungan.

Pengarah Operasi Kawasan dan Penguatkuasaan ST, Ir Md Zakuan bin Ibrahim berkata ST memperuntukkan kira-kira RM90,000 untuk tahun 2017 bagi program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), atau lebih dikenali sebagai program *Touch Point* itu, di mana pada tahun ini ia diperluaskan ke sekolah-sekolah tahfiz di seluruh negara.

Beliau berkata selain memeriksa dan menambah baik sistem pendawaian elektrik, program itu turut dijalankan bagi meningkatkan pemahaman orang ramai mengenai kepentingan mempunyai sistem pendawaian yang mempunyai alat perlindungan yang sempurna iaitu Peranti Arus Baki (PAB). Ini kerana PAB memerlukan pengujian secara berkala bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan baik dan dapat melindungi nyawa dengan memutuskan bekalan elektrik sekiranya terdapat kebocoran arus atau litar pintas.

“Saya bagi pihak ST berharap dengan sedikit bantuan yang kami hulurkan, penghuni-penghuni sekolah tahfiz ini dapat menikmati serta menggunakan bekalan elektrik dengan selamat dan yakin.”

“Kami juga berharap agar mulai hari ini, anda semua sentiasa mengambil berat berkenaan keselamatan elektrik, mengetahui bahawa kemalangan elektrik sebenarnya dapat dielakkan dengan menggunakan khidmat kontraktor elektrik yang telah berdaftar dengan ST,” katanya.

Selain sekolah ini, program ini akan diteruskan di sekolah-sekolah tahfiz di seluruh negara termasuk di Melaka, Pahang dan Sabah, Kelantan dan Pulau Pinang.

Turut hadir pada hari ini adalah Pengarah Kawasan Pejabat ST Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur & Putrajaya), Ir Md Rasdi bin Abdullah.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Siti Suhaila Ahmad/Zairulliati Mali

Unit Promosi & Komunikasi

Tel: +603 8870 8500 / +603 8870 8554 /+603 8870 8598

Hp: +6013 2183778 (Zairulliati)

Faks: +603 8888 8636

Emel: sitihaila@st.gov.my / zairulliati@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, terutamanya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. ST memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.